

HAMKA: Mufassir Reformis Kebangkitan Islam Di Indonesia

[HAMKA: A Reformist Mufassir of the Islamic Revival in Indonesia]

Abdul Hanis Embong^{1*} & Shahir Akram Hassan², Abdul Kadir Jaelani³

¹ Pusat Pendidikan Asas & Lanjutan (PPAL) Universiti Malaysia Terengganu

² Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

³ University of Sebelas Maret, Surakarta, Indonesia.

*Corresponding email: hanis.embong@umt.edu.my

ARTICLE INFO

Revised Date: 11 September 2025

Accepted Date: 12 Disember 2025

Published Date: 31 Disember 2025

Kata Kunci:

HAMKA, mufassir, reformis, Indonesia, Tafsir al-Azhar.

Keywords:

HAMKA, mufassir, reformism, Indonesia, Tafsir al-Azhar

Abstrak

Artikel ini bertujuan mengenal pasti salah seorang tokoh ulung nusantara iaitu Hamka. Beliau merupakan seorang reformis Islam di Indonesia dan *mufassir* (ahli tafsir). Perbincangan mengenai kehebatan dan perjuangan Hamka sering diperkatakan dalam konteks kebangkitan Melayu Islam dari dahulu sehingga kini. Tambahan pula, kehebatan beliau turut dibayangi oleh karyanya *Tafsir al-Azhar*. Namun, sebagai seorang *mufassir* dan reformis kebangkitan Melayu Islam di Indonesia, adakah terdapat hubung kait antara tafsiran yang dilakukan dengan perjuangan? Apakah elemen-elemen perjuangan dalam tafsiran beliau bagi mengembalikan kehebatan umat Islam? Oleh itu, makalah ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap karya Hamka iaitu *Tafsir al-Azhar* untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut. Perbincangan dalam makalah ini disusun dalam dua bahagian. Pertama, perbincangan mengenai sejarah perjuangan Hamka dan penulisan tafsirnya. Kedua, menganalisis elemen-elemen reformis dalam *Tafsir al-Azhar*. Hasilnya, makalah ini mendapati lima corak reformis dalam tafsirannya iaitu galakan penggunaan pancaindera, kesepaduan antara dalil *naqli* dengan *aqli*, tauhid sebagai pasak kehidupan dan falsafah al-Qur'an sebagai penyelesaian, memberi jawapan terhadap isu-isu dalam masyarakat Islam, perbandingan antara kitab Taurat, Injil dengan al-Quran. Dapat disimpulkan bahawa kesemua elemen ini berada pada landasan yang tepat untuk mengembalikan kehebatan generasi Islam khususnya di Indonesia.

Abstract

This article aims to identify one of the foremost figures of the Malay–Indonesian world, Hamka, who was an Islamic reformist in Indonesia and a *mufassir* (Qur'anic exegete). Discussions on Hamka's intellectual stature and struggle are frequently situated within the broader narrative of the Islamic revival among the Malay–Muslim community from the past to the present. Moreover, his scholarly prominence is closely associated with his monumental work, *Tafsir al-Azhar*. However, as a *mufassir* and a reformist figure in the Islamic revival in Indonesia, the question arises as to whether there is a relationship between his Qur'anic interpretations and his reformist struggle. What are the elements of reform embedded in his exegesis that aim to restore the strength and vitality of the Muslim ummah? Accordingly, this article employs a content analysis method on Hamka's work, *Tafsir al-Azhar*, to address these questions. The discussion is structured into two main sections. The first examines Hamka's biographical background, his reformist struggle, and the context of his exegetical writing. The second analyzes the reformist elements present in *Tafsir al-Azhar*. The findings reveal five reformist patterns in his exegesis: the encouragement of the use of human senses and reason, the integration of *naqli* (revealed) and *aqli* (rational) evidence, the centrality of *tawhid* as the foundation of life and the Qur'anic worldview as a solution, engagement with contemporary issues faced by Muslim society, and comparative discussion between the Torah, the Gospel, and the Qur'an. It can be concluded that these elements collectively operate within a sound framework aimed at restoring the excellence of the Muslim generation, particularly in Indonesia.

Pengenalan

Prof. Dr. Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau lebih dikenali dengan singkatan Hamka merupakan seorang cendekiawan Islam yang prolifik serta bergiat aktif dalam pelbagai disiplin dakwah ke-Islaman. Keluasan disiplin ilmu Hamka terserlah khususnya dalam bidang tasawuf, akidah, akhlak, sejarah, sastera, falsafah dan fiqh. Beliau telah menghasilkan 118 buah buku mencakupi semua bidang tersebut. Karya Hamka telah dibahagikan kepada dua peringkat oleh anaknya Rusydi Hamka (1983), peringkat pertama sebelum tahun 1940, manakala peringkat kedua selepas tahun 1940. Selain itu, kehebatan beliau dalam bidang pemikiran dan pendidikan amat dihargai sehingga beliau dianugerahkan Doktor Kehormat oleh Universiti al-Azhar, Mesir pada tahun 1963 dan Doktor Kehormat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1974. Dalam mengakui ketokohan beliau yang bukan sekadar ulama dan sasterawan Muslim di Alam Melayu, Allahyarham Tun Abdul Razak (Perdana Menteri Malaysia yang pertama) ketika menganugerahkan Hamka dengan Doktor Persuratan Kehormat di Universiti Kebangsaan Malaysia mengatakan (Abdul Rahman Abdul Aziz 2002: 144): "Hamka bukan milik rakyat Indonesia sahaja, tetapi beliau adalah juga tokoh kebanggaan seluruh bangsa di Asia Tenggara, cinta dan kebaktiannya kepada Alam Melayu tidak pernah mengenal sempadan politik mahupun geografi".

Dengan kepakaran yang dimiliki, beliau pernah dilantik menjadi ketua Majlis Ulama Indonesia (MUI) pertama dan banyak mengeluarkan fatwa ketika menjawat jawatan tersebut bermula pada 1976-1980. Hamka juga merupakan seorang tokoh gerakan reformis Islam Indonesia yang terkenal di Asia Tenggara pada abad ke-20 kerana bersungguh dalam memperjuangkan ajaran Islam yang benar dalam kalangan masyarakat ketika itu yang serba mundur dalam pengamalan Islam (Kairudin Aljunied, 2017). Buktinya dalam tempoh 5 tahun menjawat jawatan ketua MUI, beliau telah mengeluarkan fatwa pengharaman bagi umat Islam di Indonesia mengikuti perayaan Natal di gereja. Namun begitu, fatwa tersebut mendapat kritikan hebat daripada banyak pihak termasuk pemerintah pada ketika itu. Pada tahun 1980, beliau meletak jawatan kerana terjadinya perbezaan pendapat antara MUI dengan Menteri Agama Indonesia berikutan isu Natal Bersama (Rusydi Hamka 2008: 12).

Khairudin Aljuneid (2015) dalam *Writing Reformist Histories: A Cleric as an Outsider History-Maker* mendedahkan bahawa Hamka merupakan pejuang atau reformis sejarah yang melibatkan Islam dan Indonesia, karya-karya sejarah beliau secara tidak langsung menyentuh cabaran-cabaran tempatan dan juga mendedahkan pembacanya kepada wacana am modernis reformis yang beliau cuba untuk mempromosikan. Hamka begitu mengambil berat pengaruh sekularisma terhadap umat Islam di Indonesia yang menyebabkan kemunduran. Bagi melawan pengaruh tersebut, beliau menganjurkan Pendidikan Islam yang bersifat moden. Melalui pergerakan Muhammadiyah, beliau mendirikan sekolah yang mengintegrasikan ilmu moden dengan ilmu Islam agar pelajar dapat melihat gambaran umat Islam kini dalam skala yang luas.

Dalam sudut lain, Hamka bukan sahaja seorang reformis, malah seorang modernis dan aktivis yang membawa pembaharuan pemikiran kepada masyarakat Islam di Indonesia (Johanna Pink, 2010; Norshahril Saat, 2017). James R. Rush (2016) menyifatkan Hamka sebagai seorang modernis Islam yang membentuk kepada pergerakan Islam yang sebenar, ia turut dikaitkan dengan pentafsiran progresif doktrin-doktrin agama dalam semangat mempromosikan nilai-nilai penting, mengambil kira konteks dulu dan semasa, mematuhi prinsip-prinsip dan bukannya memfokuskan kepada bacaan literal teks semata-mata. Kehadiran pergerakan reformis seperti Hamka di Indonesia pastinya penting memandangkan Indonesia adalah negara muslim paling ramai di Asia Tenggara dan bahkan di seluruh dunia, kira-kira seratus lapan juta, dan dari jumlah keseluruhannya, dua ratus sepuluh juta, adalah Muslim yang menganuti ajaran Islam (Giora Eliraz, 2002).

Giora Eliraz (2002) merumuskan beberapa faktor yang menyebabkan keberhasilan golongan reformis Indonesia ini dalam membangun masyarakat Islam Melayu. Antaranya ialah kepelbagaian konteks keagamaan, pinjaman budaya yang efektif, kewujudan dasar organisasi yang dikembangkan, adaptasi secara kreatif idea-idea reformis lain dalam pelbagai aspek kehidupan, bijak memainkan peranan dari aspek sejarah yang beragam, mengekalkan kerendahan dalam keperibadian ahli politik Islam. Dan akhirnya peranan yang dimainkan oleh pergerakan reformis Islam di Indonesia, juga faktor utama dalam menjelaskan kelangsungan hidup dan daya semangatnya. Iaitu dengan aktif dalam multidimensi dan memenuhi misi keilmuan yang pelbagai. Termasuk dalam faktor ini adalah usaha Hamka sebagai reformis yang memainkan peranan penting memasukkan elemen-elemen reformis dalam karya tafsir beliau, *Tafsir al-Azhar* bagi tujuan membentuk masyarakat Islam Melayu-Indonesia

yang dinamik dengan ilmu pengetahuan dan mampu berdaya-saing dengan bangsa-bangsa lain.

Kajian Lepas

Sebelum membincangkan secara terperinci peranan Hamka sebagai *mufassir* reformis Islam di Indonesia, makalah ini menyorot terlebih dahulu kajian-kajian berkaitan Tafsir al-Azhar daripada pelbagai aspek yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Perkara ini penting untuk mendapat gambaran bahawa karya tafsir beliau mempunyai nilai tersendiri dan perlu diterokai bagi manfaat generasi seterusnya. Selain pengkaji tempatan daripada Indonesia, Malaysia, Singapore, Thailand dan Brunei, terdapat beberapa pengkaji Barat yang turut melakukan kajian khusus tentang Hamka seperti sarjana Perancis, Gerard Moussay (1986), *Une grande figure de l'Islam indonésien: Buya Hamka*, Karel Steenbrink (1994), *Hamka and the Integration of the Islamic Ummah of Indonesia*, Karel Steenbrink (1995), *Quran Interpretations of Hamzah Fansuri (CA. 1600) and Hamka (1908-1982): A Comparison*, dan James R. Rush (2016), *Hamka's Great Story. A Master Writer's Vision of Islam for Modern Indonesia*.

Secara umumnya penulisan kajian kehidupan Hamka oleh pengkaji-pengkaji adalah sama antara satu sama lain bermula daripada perjalanan hidup sehingga beliau meninggal dunia. Walau bagaimanapun, terdapat satu perbezaan yang ketara ketika para pengkaji menghuraikan kehidupan beliau iaitu mengenai tarikh kelahiran Hamka. Penulisan oleh Rusydi Hamka (1989), (1992), (2010), Herry Muhammad (2006), Arief Halim (2007), Mazlan Ibrahim (2009) dan Zul Azmi Yaakob (2012) menyatakan pada 17 Februari 1908. Manakala Yunan Yusuf (1990), Mashitah Ibrahim (2000), Witrianto (2008) dan Usep Taufik Hidayat (2015) menyatakan pada tarikh 16 Februari 1908. Namun begitu, perselisihan tarikh kelahiran tersebut telah dikemukakan oleh Hamka (1986) sendiri pada karyanya, beliau mengakui berlakunya perbezaan demikian dan lebih cenderung menyatakan pada 17 Februari 1908 di Kampung Tanah Sireh, Negeri Sungai Batang Maninjau, Minangkabau, Sumatera Barat.

Manakala kajian lepas berkaitan *Tafsir al-Azhar* pula, telah dilakukan oleh para pengkaji merangkumi pelbagai bidang kajian. Kesemua kajian yang berhubung dengan *Tafsir al-Azhar* dilakukan pada skop pemikiran atau perspektif Hamka melalui penulisan beliau dalam tafsirnya. Antara pengkaji yang mengkaji *Tafsir al-Azhar* ialah Yunan Yusuf (1990), Mashitah Ibrahim (1998), Norazlan Hadi Yaacob (2001), Nazri Muslim & Abdul Latif Samian (2002), Abdul Rauf (2005), Abdul Hafiz Haji Abdullah & Siti Rohaya Sudiro (2009), Indarwati (2010), Ahmad Khusni (2003), Arief Halim (2007), Wan Sabri Wan Yusuf (2008) dan Mazlan Ibrahim & Suhaila Zakaria (2008).

Antara pengkaji terkini yang mengkaji *Tafsir al-Azhar* daripada perspektif perjuangannya di Indonesia ialah Mazlan Ibrahim & Suhaila Zakaria (2008) dan kajian Wan Sabri Wan Yusuf (2008). Kajian Mazlan Ibrahim & Suhaila Zakaria (2008) tertumpu pada huraian kemasyarakatan yang terdapat pada *Tafsir al-Azhar*. Hasil kajian mendapati tafsir tersebut banyak menggesa masyarakat Islam untuk kembali kepada zaman kegemilangan Islam yang diterajui oleh Nabi Muhammad SAW. Begitu juga dengan contoh yang dikemukakan banyak mengimbas kembali sirah-sirah Nabi dan umat terdahulu sebagai pengajaran.

Manakala kajian Wan Sabri Wan Yusuf (2008) bertajuk *Tafsir al-Azhar: Suatu Gambaran Perubahan Sosial Di Indonesia Pada Abad Ke-20*, tertumpu kepada tema sosial di sekitar Indonesia. Wan Sabri membahaskan mengenai struktur sastera yang terdapat dalam *Tafsir al-Azhar* dan statusnya dalam genre tafsir di Indonesia. Kajian ini juga membicarakan fungsi tafsir sebagai suatu hasil sastera sosial dan keagamaan yang mencerminkan perubahan besar dari sudut sosial di Indonesia pada abad ke-20 dimuatkan bersama perjuangan-perjuangan penting Hamka terhadap tanah airnya.

Kajian-kajian di atas telah membuktikan bahawa Hamka dan kitab *Tafsir al-Azhar* telah banyak menjadi bahan kajian dalam pelbagai bidang. Walaupun kisah perjuangan Hamka telah banyak dilakukan, namun perjuangan beliau yang berkait secara langsung dengan tafsirnya masih kurang dikaji. Dengan ini, makalah ini berusaha menerokai elemen-elemen reformis yang terdapat dalam tafsiran Hamka secara langsung. Hal ini sangat wajar dikaji memandangkan Hamka seorang ahli tafsir yang kaya dengan hasil perjuangan dan pemikirannya yang ilmiah mampu mengembalikan semula kejayaan umat Islam di Nusantara ini.

Metodologi

Makalah ini menggunakan reka bentuk kajian dokumen bersifat kualitatif. Data utama daripada *Tafsir al-Azhar* bermula jilid 1 sehingga jilid 5, manakala data sekunder diambil melalui kaedah kepustakaan yang bertulis sama ada dalam bentuk kertas kerja, jurnal, arkib, buku-buku ilmiah dan kajian ilmiah seperti tesis atau disertasi yang berkait dengan Hamka dan tafsirnya. Data terkumpul tersebut kemudiannya dianalisis menggunakan analisis kandungan tekstual yang akhirnya dirumuskan secara bertema atau berfokus (*mawdu'iy*).

Analisis dan Dapatan

Latar Belakang yang Membentuk Perjuangan Hamka

Perjuangan Islam dan penulisan *Tafsir al-Azhar* adalah dua perkara penting yang berlaku dalam kehidupan Hamka, kedua-duanya berlaku seiring bermula daripada awal sehingga beliau meninggal dunia. Secara umumnya, pembentukan reformis Hamka sangat dipengaruhi oleh dua orang tokoh pejuang iaitu Sayyid Jamaluddin al-Afghani¹ (1839-1897) dan ayah beliau sendiri Haji Abdul Karim Amrullah² (1879-1945). Kedua-duanya digelar oleh Hamka sebagai tokoh pergerakan dan *tajdid* (pembaharuan) kerana terlibat dalam pembaharuan intelektual kaum Muslim dan pada masa yang sama mereka aktif dalam berusaha sama mengubah dimensi sosial, pendidikan, dan ekonomi ketika itu (Khairudin Aljuneid, 2015). Perkara ini terbukti melalui dua karya Hamka berkaitan dua tokoh yang disegani ini, pertama ialah *Said Djamaludin al-Afghany: Pelopor Kebangkitan Islam* (1970) dan kedua, *Ayahku: Riwayat Hidup Dr. H. Abdul Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatera* yang pertama kali diterbitkan pada tahun 1950.

Antara kedua-dua tokoh ini, ayah Hamka, Haji Abdul Karim bin Amrullah lebih memberi pengaruh yang besar dalam pembentukan Hamka sebagai reformis. Ketika meningkat dewasa, beliau melihat kesungguhan ayahnya yang merupakan pengasas kepada sekolah agama, surau, pondok di Tasik Maninjau bersama-sama dengan rakannya ketika belajar di Mekah. Ketika di Mekah juga, Haji Abdul Karim menyokong penuh gagasan idea yang dibentuk oleh Syeikh Muhammad Abduh melalui majalah *al-Manar*, oleh itu beliau turut menjadi salah seorang pengedar majalah *al-Imam* di Minangkabau. Majalah tersebut juga mendokong idea Syeikh Muhammad Abduh namun ia diterbitkan di Singapore daripada tahun 1906 sehingga 1910. Pada tahun 1911, beliau mendapat jemputan untuk turut menjadi penulis majalah yang baru, *al-Munir* untuk disebar di Minangkabau. Majalah tersebut menjadi popular antara tahun 1911 sehingga 1915 sebagai wadah penyebaran idea modernis Islam. Bagi merencanakan lagi penyebaran dan penulisan, beliau berpindah ke Padang, bandar terbesar di Sumatera Barat yang merupakan pusat penerbitan majalah *al-Munir* dan menetap di sana beberapa tahun sehingga beliau menjadi guru yang berpengaruh di sekolah-sekolah agama serta bergiat aktif dalam melawan amalan Kaum Tua yang disifatkan sebagai terpesong atau khurafat (Karel Steenbrink 1994).

¹ Nama penuhnya adalah Muhamamad Jamal al-Din bin Safdar yang mempunyai pertalian kekeluargaan hingga kepada Sayyidina al-Husain bin Ali RA. Sayyid Jamal al-Din al-Afghani merupakan seorang tokoh pembaharuan yang hidup pada abad ke-19M. Beliau dilahirkan pada tahun 1254H/1838M, perjuangan dan pengembaraan al-Afghani akhirnya terhenti apabila beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 9 Mac 1897M. Antara pemikiran beliau yang mendapat tempat utama di dalam hati masyarakat Islam ialah idea dan seruannya mengenai Pan-Islam yang menuntut umat Islam bersatu-padu dan penentangan terhadap sebarang bentuk penjajahan pihak luar. Gagasan ini telah berjaya menaikkan semangat masyarakat Islam untuk bertindak melawan bangsa asing terutamanya bangsa Eropah yang menceroboh serta menjajah negara umat Islam pada zaman itu (Azman Md Zain & Mahyuddin Abu Bakar, 2007). Beliau telah mengkaji secara mendalam kerosakan dalaman (*inner decay*) dan kemunduran yang berlaku dalam masyarakat Islam serta merawat keadaan itu dengan memasukkan semangat motivasi yang tinggi dan penting sehingga mempengaruhi kebanyakan reformis lain termasuklah di Tanah Melayu (Giora Eliraz 2002).

² Haji Abdul Karim Amrullah merupakan ayah kepada Hamka. Beliau dilahirkan pada tahun 1879 di Sungai Batang, Maninjau. Seawal umur 16 tahun beliau telah pergi ke Mekah dan menetap di sana selama tujuh tahun bagi tujuan menuntut ilmu. Beliau bergiat aktif dalam berdakwah kepada masyarakat dan berpendirian tegas dalam menentang pemerintahan Belanda sehingga beliau telah ditahan dan dipenjarakan pada tahun 1941 sehingga tahun 1942. Beliau meninggal dunia pada 21 Julai 1945 bersamaan 21 Jamadil Akhir 1364 di Jakarta (Hamka 1982: 32). Beliau merupakan seorang yang sangat dipengaruhi oleh idea reformis-reformis daripada dunia Arab (Johanna Pink, 2010).

Majalah *al-Manar* yang diketuai oleh Syeikh Rashid Rida adalah dengan cara dan gaya bahasa yang menyerupai al-Afghani dan Muhammad Abduh, ia diterbitkan atas dasar memperbaiki kemunduran umat Islam yang berlaku, antaranya mereka didominasi oleh penguasaan orang asing, sikap tidak memperdulikan disiplin ilmu pengetahuan moden, sikap malas, sikap mudah untuk berpuas hati, persengketaan yang wujud dalam kalangan mereka sendiri serta tidak mampu mencari jalan penyelesaian yang membawa kepada penyatuan (Giora Eliraz 2002). Hamka yang membesar dalam keadaan ini mengikut jejak ayahnya dan berusaha membuang sebab-sebab kemunduran tersebut. Sebagai contoh beliau turut membersihkan adat-adat yang bertentangan dengan prinsip Islam yang terdapat dalam Kaum Tua, namun pendekatan yang digunakan adalah berbeza. Beliau cenderung untuk tidak memperbesar-besarkan konflik antara Islam dan adat tradisi, bahkan bertindak secara harmoni lebih kepada menasihati dan memberi mereka masa berfikir tentang keutamaan ajaran Islam yang sebenar.

Berpandukan penjelasan ini, dapat dilihat bahawa jiwa reformis Hamka secara tidak langsung adalah berdasarkan kepada tokoh-tokoh reformis Mesir iaitu Syeikh Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh. Pemikiran-pemikiran mereka ini bukan sahaja mempengaruhi dunia Arab, bahkan banyak mempengaruhi gerakan reformis Melayu-Indonesia termasuk Hamka. Giora Eliraz (2002) dalam *The Islamic Reformist Movement in The Malay-Indonesian World in The First Four Decades of The 20th Century: Insights Gained from A Comparative Look At Egypt* menegaskan gerakan perjuangan Islam diketuai oleh tokoh-tokoh Mesir tersebar luas dan lebih berkesan di dunia Melayu-Indonesia berbanding Mesir. Telah menjadi tradisi reformis Islam, diinspirasikan oleh Syeikh Jamaluddin al-Afghani, diformulakan intipati kandungan oleh Syeikh Muhammad Abduh, kemudian dikembang luas maksudnya oleh Syeikh Rashid Rida sehingga ke Asia. Gerakan ini mengekalkan keaslian ciri-ciri yang terdapat pada tokoh reformis Mesir secara warisan, nilai motivasi, asas-asas dan terminologi. Gerakan reformis ini berasaskan kepada dua sebab penting, pertama dengan kehadiran arus modenisasi yang turut melibatkan akal dan ilmu pengetahuan agama dan bukan agama, yang seharusnya mendapat tempat dalam Islam. Kehadiran ini tidak dapat ditolak namun dapat diintegrasikan sebaik mungkin melalui pendekatan yang berwawasan. Kedua, kesedaran bahawa tradisi Islam tetap harus dipertahankan dengan berpandukan ajaran al-Quran dan hadis.

Secara khusus pula, motivasi Hamka sebagai reformis telah dipengaruhi oleh keturunan, kemasyarakatan dan pendidikan sepanjang kehidupan beliau yang diperincikan pada bahagian ini.

i. Keturunan

Proses pembentukan Hamka sebagai pejuang Islam dan ahli tafsir telah bermula semenjak beliau masih kanak-kanak. Beliau hidup di kampung bersama ayah dan bonda beliau di Minangkabau dan dibesarkan dalam tradisi Minangkabau. Masa kecil Hamka dipenuhi masalah perselisihan pendapat, kerana ketika itu berlaku pertentangan yang hebat antara Kaum Tua dan Kaum Muda tentang pelaksanaan ajaran Islam (Samsul Nizar 2008: 1).

Dilihat dari nasab keturunannya, Hamka mempunyai susur jalur daripada tokoh-tokoh ulama di Minangkabau. Datuk beliau, Syeikh Muhammad Amrullah adalah merupakan penganut tarikat Naqshabandiyah yang sangat disegani dan dihormati bahkan dipercayai memiliki keramat dan disebut-sebut sebagai wali. Beliau pernah menuntut ilmu di Mekah selama lima tahun dan pernah menjadi ketua sekolah-sekolah agama, surau dan guru tarikat. Datuk beliau mengikuti jejak ayahnya iaitu Tuanku Syeikh Pariaman dan bapa saudaranya Tuanku Syeikh Gubug Katur yang merupakan seorang yang alim dalam bidang agama dan banyak berjasa kepada masyarakat ketika kehidupannya. Di samping itu, Syeikh Muhammad Amrullah juga pernah berguru di Mekah dengan Syeikh Zaini dan Syeikh Muhammad Hasbullah, bahkan beliau turut sama belajar daripada mereka yang lebih muda seperti Syeikh Ahmad Khatib dan Syeikh Taher Jalaludin (Rusydi Hamka 2010: 17).

Keturunan yang dimulai dengan datuk Hamka ini mempunyai 8 isteri dan 46 anak, dan anak yang paling menonjol ialah Abdul Karim bin Amrullah, lahir pada tahun 1879 iaitu ayah kandung kepada Hamka sendiri. Seperti datuknya, ayah Hamka juga menerima ilmu agama di beberapa surau atau pondok di daerah Minangkabau, pernah menuntut ilmu di Mekah selama 6 atau 7 tahun. Sekembalinya di tanah air, beliau berkahwin dengan Raihanah pada tahun 1901. Setelah memperolehi anak yang pertama, beliau pergi kembali ke Mekah bersama-sama dengan isterinya untuk menunaikan haji dan menuntut ilmu. Setelah beliau dikurniakan anak yang kedua, lima bulan kemudian Raihanah meninggal dunia. Ayah Hamka sekali lagi kembali ke tanah air dan berkahwin dengan Safiah, yang merupakan ibu kandung kepada Hamka (Hamka, 1982).

ii. Kemasyarakatan

Ketika Hamka lahir, daerah Minangkabau sedang mula melakukan pembaharuan dalam bidang keagamaan, pendidikan dan intelektual. Pembaharuan tersebut telah digerakkan oleh empat tokoh serangkai iaitu Syeikh Tahir Jalaluddin³, Syeikh Muhammad Jamil Jambek⁴, Haji Abdullah Ahmad⁵ dan ayah Hamka sendiri iaitu Dr. Haji Abdul Karim Amrullah. Kemelut pertikaian fahaman antara 'Kaum Muda' yang memperjuangkan kemajuan dalam beragama dengan 'Kaum Tua' yang masih berpegang teguh kepada adat semakin menjadi-jadi semasa kelahiran beliau (Rusydi 1981: 5).

Gerakan pembaharuan yang digerakkan oleh empat tokoh ini, telah diilhamkankan daripada pemikiran Syeikh Muhammad Abduh yang dimuatkan dalam majalah *al-Manar*. Pemikiran pembaharuan Muhammad Abduh ini tersebar luas melalui *Majalah al-Imam* serta melalui sekolah *al-Iqbal al-Islamiyyah* yang didirikan oleh Syeikh Tahir Jalaluddin bersama rakannya Raja Ali bin Ahmad pada tahun 1980 di Singapura (Deliar Noer 1979: 41).

Hamka yang lahir ketika kebangkitan Kaum Muda giat melakukan pembaharuan dalam bidang keagamaan, pendidikan, kemasyarakatan dan politik, telah memantapkan beliau dari sudut keagamaan. Tambahan pula, beliau sempat menyaksikan secara langsung usaha gigih yang dilakukan oleh ayahnya beserta kawan-kawannya dalam memajukan kehidupan keagamaan di Ranah Minang. Rumah beliau sering kali diadakan perbincangan-perbincangan mahupun perdebatan-perdebatan tentang permasalahan berkaitan agama Islam. Beliau menegaskan bahawa, sekiranya ayahnya berada di rumah, maka orang ramai akan segera datang ke rumahnya untuk mengajukan persoalan-persoalan agama kepada ayahnya (Hamka 1974: 9).

Pada peringkat dewasa pula, Hamka telah melihat pelbagai konflik yang berlaku antara Islam dengan negara yang semakin memuncak ketika Belanda bertapak di Indonesia. Pihak pemerintah kolonial bersungguh-sungguh memantau dan mengawal gerak-geri kehidupan umat Islam ketika itu. Sebagai contoh, K. F. Holle yang merupakan seorang penasihat pemerintah Belanda mengeluarkan pandangan bahawa *tarikah (religious brotherhood)* atau kelompok jemaah Islam adalah golongan yang paling membahayakan dan harus diberi pengawasan ketat kepada mereka. Sedangkan C. S. Hurgronje berpandangan, bukan kelompok itu sahaja, malah Islam secara keseluruhannya tanpa pengecualian akan membahayakan pemerintah sekiranya Islam hadir dalam bentuk politik. Justeru, pemerintah perlulah tidak membuka ruang kepada ahli politik Islam daripada muncul sebagai satu kuasa politik pada segenap sudut (Karel Steenbrink 1994).

Karel Steenbrink (1994) menambah, Hamka ketika itu mengalami pengalaman yang berbelah bahagi antara hidup di bawah pemerintah yang lemah mahupun kuat, baik sebelum merdeka ataupun selepas merdeka, di tengah-tengah konflik antara Kaum Muda dengan Kaum Tua, yang akhirnya membentuk semangat beliau agar terus memperjuangkan Islam dan negara melalui saluran politik. Setelah kemerdekaan, beliau mula terlibat dalam politik dengan menjadi anggota Masyumi (Majlis Syuro Muslimin Indonesia) dan pernah berada di parlimen pada tahun 1954 sehingga tahun 1959. Beliau bukanlah seorang ahli politik yang hebat, namun kedudukannya dalam parti mampu mendatangkan pengaruh yang luas dalam kalangan pengikutnya.

³ Syeikh Tahir Jalaluddin telah dilahirkan di Ampek Angkek Bukit Tinggi pada tahun 1869. Semenjak tahun 1880 beliau telah menetap di Malaysia setelah kembali dari tanah suci pada tahun 1878. Beliau pernah menuntut ilmu di Mesir sehingga pada akhir nama beliau turut ditulis al-Azhari. Pada tahun 1906 beliau menerbitkan majalah al-Imam dan telah membuka sekolah yang bernama *al-Iqbal al-Islamiyah* (Yunan Yusuf 1990: 24).

⁴ Syeikh Muhammad Jamil Jambek dilahirkan di Bukit Tinggi pada tahun 1806. Pada tahun 1896 beliau telah dibawa oleh ayahnya ke Mekah dan menetap di sana selama sembilan tahun untuk mempelajari ilmu agama. Pada tahun 1913 beliau mendirikan organisasi sosial kemasyarakatan di Bukit Tinggi bernama Samarat al-Ikhwan. Organisasi ini bergerak aktif pada bidang penerbitan buku agama dan majalah Islam tanpa mencari keuntungan semata-mata (Deliar Noer 1980: 42).

⁵ Haji Abdullah Ahmad telah dilahirkan di Padang Panjang pada tahun 1878. Setelah menamatkan pendidikan rendah dan menengah di sekolah kerajaan di Padang Panjang, beliau berangkat ke Mekah pada tahun 1895 untuk menuntut ilmu dan kembali semula ke Indonesia pada tahun 1899. Sekembalinya daripada tanah suci, beliau mula mengajar dan menjadi ketua pelbagai majalah Islam ketika itu. Pada tahun 1906, beliau berpindah ke Padang dan mendirikan organisasi Jamaah Adabiyyah. Melalui organisasi tersebut, beliau aktif dalam menyampaikan ceramah-ceramah agama. Beliau pernah menjadi ketua wartawan di Padang pada tahun 1914 dan pada tahun 1911 beliau menjadi pengasas kepada majalah al-Munir (Deliar Noer 1980: 46).

Bertitik tolak daripada keadaan kemasyarakatan sebegini, sedikit sebanyak telah mempengaruhi pembentukan jati diri Hamka semasa kecil hingga dewasa untuk menjadi lebih matang dari semasa ke semasa khususnya dalam membentuk beliau menjadi pejuang Islam yang memperjuangkan fahaman Islam yang benar. Pada peringkat seterusnya, pemikiran beliau semakin matang dan progresif melalui pendidikan-pendidikan dan aktiviti-aktiviti yang pernah beliau ceburi sepanjang hidupnya sehingga membentuk beliau menjadi reformis yang matang.

iii. Pendidikan

Pendidikan Hamka sebagai pejuang dan ahli tafsir bermula secara tidak langsung di bawah pengawasan ayahnya sejak kecil bermula dengan mempelajari al-Quran daripada ayahnya sehingga berumur enam tahun. Ayah beliau yang juga dikenali dengan Haji Rasul, memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran agama anaknya (Saat N, 2017). Setahun kemudian, setelah berusia tujuh tahun, beliau mula belajar secara rasmi di sekolah desa di Padang Panjang pada tahun 1917 (Rusydi Hamka 1997: 15).

Hamka memulakan pendidikannya di sekolah rendah yang ada di daerah Danau Maninjau sehingga menamatkan darjah dua persekolahan. Ketika berusia 10 tahun, ayah beliau mendirikan Sumatera Thawalib di Kota Padang Panjang. Di tempat inilah beliau mula mempelajari agama dan bahasa Arab. Selain itu, beliau juga rajin mendengar ceramah serta pengajian agama di surau-surau dan masjid-masjid yang disampaikan oleh ulama-ulama terkenal ketika itu (Rusydi 1997: 17). Pada peringkat menengah, Hamka memasuki Sekolah Desa di Guguk Melintang Padang Panjang pada tahun 1921. Pada waktu petang, beliau belajar agama di Sekolah Diniyah yang ketika itu masyhur dikenali sebagai Sekolah Arab, iaitu Sekolah Diniyah yang telah didirikan oleh Zainuddin Labai el-Yunusy pada tahun 1890 (Hamka 1970: 46).

Pada usia 17 tahun, Hamka kembali ke kampung halamannya, Minangkabau setelah menuntut ilmu di Tanah Jawa. Berbekalkan ilmu yang ada, beliau mula berbicara mengenai Islam secara mendalam dan berdakwah kepada masyarakat di Minangkabau. Namun begitu, beliau beranggapan bahawa dengan ilmunya ketika itu, masih belum mencukupi untuk beliau menjadi seorang yang mahir dalam ilmu Islam. Tambahan pula, mengikut tradisi masyarakat Minangkabau ketika itu, seseorang belum dianggap alim melainkan setelah mempunyai kemampuan berbahasa Arab. Keadaan seperti inilah yang membawa Hamka meninggalkan kampung halamannya untuk menuju ke tanah suci, Mekah. Beliau berhasrat melanjutkan pelajaran di samping menunaikan haji (Solichin Salam 1978: 301).

Pada tahun 1927, beliau tiba di Mekah. Beliau memanfaatkan kepintarannya dengan sebaik mungkin. Beliau tidak segan untuk hadir daripada tiang ke tiang mengikuti pengajian tidak formal, menuntut di bawah tunjuk ajar guru-guru yang ada di Masjid al-Haram. Namun begitu, hasrat untuk melanjutkan pelajaran tidak dapat diteruskan kerana sakit dan wang yang tidak mencukupi untuk menyara hidup di Mekah. Walau bagaimanapun, Hamka beruntung kerana telah berjumpa dengan Syeikh Hamid al-Khudri yang mempunyai perpustakaan sendiri di Mekah. Syeikh Hamid al-Khudri telah memberi ruang kepada beliau untuk membaca di perpustakaan tersebut di samping menghulurkan bantuan kepada beliau. Peluang ini merupakan peluang keemasan bagi beliau kerana dapat membaca pelbagai bahan bacaan seperti karya Mustafa al-Manfaluti, karya penyair-penyair Timur dan karya pengkaji-pengkaji Barat yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab (Hamka 1967: 42).

Hamka kembali ke Indonesia dengan dada yang penuh dengan ilmu setelah hampir setahun beliau di Mekah termasuklah penguasaan beliau dalam bidang al-Quran. Kebolehan beliau mula diakui sebagai orang alim yang bakal menggantikan kedudukan ayahnya, Syeikh Abdul Karim Amrullah. Secara beransur-ansur, beliau mendapat kepercayaan daripada masyarakat untuk menyampaikan ceramah agama dan berdakwah (Hamka 1967: 49).

Pendidikan yang diperolehi Hamka baik dari sudut agama atau selain agama adalah tersusun daripada awal. Pada peringkat yang lebih tinggi, beliau adalah seorang yang *autodidact* iaitu belajar sendiri dengan menghayati karya-karya sarjana silam yang terkehadapan. Oleh itu, kenyataan Johanna Pink (2010) yang menyatakan pendidikan Hamka seolah-olah sedikit dan tidak menentu adalah silap dan tidak tepat (*patchy and erratic*). Pendidikan pada peringkat awal merupakan asas kepada pembentukan pada peringkat-peringkat yang lebih tinggi. Dalam hal ini, Hamka mendapat pendidikan yang mencukupi daripada keluarga untuk membolehkan beliau pergi lebih jauh dalam pendidikannya ketika di Mekah dan di Indonesia.

iv. *Tafsir al-Azhar: Sumbangan Hamka kepada Masyarakat*

Sejarah penulisan tafsir al-Quran di Indonesia dan Alam Melayu bermula dengan penemuan kitab tafsir *Tarjuman al-Mustafid* karya Syeikh Abd al-Rauf al-Singkeli di Aceh, kemudian diikuti dengan 151 penulisan tafsir lengkap selepasnya sehingga pada abad ke-17 dan 18 (Azyumardi, 1995). Tersenarai dalam kategori tersebut ialah *Tafsir al-Azhar* karya Hamka.

Hamka merupakan seorang yang prolific dan mempunyai pengaruh yang cukup luas. Sebagai bukti, beliau menghabiskan kebanyakan waktu untuk menulis dan jumlah penulisan Hamka termasuk 30 jilid *Tafsir al-Azhar* serta artikel-artikel dalam pelbagai majalah menurut Rusydi Hamka (1983: 339), adalah sebanyak 118 buah. Karya beliau boleh didapati sehingga kini di Alam Melayu, bahkan berterusan selepas lebih dari tiga dekad sejak beliau meninggal dunia, sehingga hari ini, beberapa penerbitannya berfungsi sebagai buku teks dalam kelas agama (Saat N., 2017).

Tafsir al-Azhar merupakan karya Hamka yang paling hebat dalam usaha menghasilkan tafsiran al-Quran yang bersifat moden, ia bukan sahaja kepada Asia Tenggara, tetapi kepada dunia Islam secara amnya (R. Micheal Feener, 1998). Tafsir sebanyak 30 juzuk yang dihasilkannya merupakan manifestasi kepada keilmuan Islam yang dimilikinya (Redzuan Othman 2001: 37). Kejayaan HAMKA dalam memberi sumbangan bagi perkembangan ilmu tafsir al-Quran di Indonesia cukup besar. Sumbangan tersebut dapat diperhatikan melalui dua perkara. Pertama ialah beliau membuka kembali lembaran baru dalam bidang tafsir al-Quran di Indonesia yang telah terhenti sebelum ini dalam tempoh yang lama. Kedua, beliau telah membawa paradigma baru bagi corak dan aliran penafsiran al-Quran di Indonesia, iaitu corak tafsir *al-Adab al-Ijtima'i* (Atabik Luthfi 2004: 83).

Tafsir al-Azhar dianggap sebagai puncak pengabdian diri Hamka kepada Tuhan dan masyarakat. Ia juga merupakan warisan kepada anak bangsa Melayu. Hasrat beliau ketika peringkat awal penyusunannya adalah untuk meninggalkan pusaka kepada anak bangsanya. Hamka mengambil masa kira-kira 15 tahun untuk menyusun tafsir tersebut seterusnya dibaiki dan dibetulkan sehingga tahun 1979 (Hasan Shadily 1980: 19). Kandungan tafsir beliau mendapat perhatian banyak pihak terutama dari sudut huraian-huraiannya dalam sesuatu ayat. Menurut Wan Sabri Wan Yusuf (2002: 5):

“Hamka adalah seorang tokoh yang terhasil dari sejarah yang melatari zamannya. Beliau seorang yang nekad dan teguh pendirian dalam melakukan penafsiran al-Quran walaupun terpaksa menghadapi kecaman dan kritikan. Penafsiran al-Quran sering diwarnai kecenderungan penafsir dan ia adalah legitisasi tekstual bagi pendapatnya”.

Di samping itu, *Tafsir al-Azhar* menggunakan gaya bahasa yang mudah difahami dan ringkas. Perkara ini menjadi salah satu faktor penerimaannya terhadap masyarakat Melayu. Perkara ini disokong oleh Abdul Hafiz Abdullah (2008) yang menyatakan bahawa HAMKA menggunakan bahasa yang mudah difahami, tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu sukar.

Norshahril Saat (2017) menegaskan tafsiran Hamka bukan sahaja mengandungi sejarah Islam dan wahyu Allah SWT, malah ia mengemukakan juga pandangan beliau terhadap situasi Indonesia selepas berlakunya penjajahan (*post-colonial*). Perbincangan huraian tafsirnya lebih cenderung kepada keadilan sejagat, kerana karya itu mengungkapkan refleksi yang lebih mendalam tentang peralihan Indonesia daripada zaman penjajahan ke negara pasca penjajahan.

Karel Steenbrink (1994) membandingkan karya tafsir Hamka dengan karya tafsir oleh ahli akademik sezaman dengannya seperti Hasbi ash-Shiddieqy dan Zainal Arifin Abbas adalah berbeza. Walaupun ketiga-tiga menulis kitab tafsir al-Quran, tafsir Hamka lebih terkehadapan kerana lebih memberi penekanan terhadap perkara akidah dan asas-asas penting dalam kepercayaan Muslim. Meskipun tulisan beliau seperti berfalsafah, namun beliau bukan berminat untuk menonjolkan aspek falsafah bahkan menggunakan falsafah bagi memperkukuhkan hujah sekaligus penyebar semangat ruh Islam. Falsafah yang digunakan adalah secara berpatutan dan menarik minat pembaca iaitu secara naratif, berbanding hujah ilmiah ahli akademik yang hanya diambil daripada nas al-Quran dan hadis. Fokus utama penulisan beliau bukanlah untuk sekadar menerima kebenaran dalam Islam, akan tetapi lebih kepada pembentukan semula, pembinaan dan menanam perasaan individu terhadap ajaran yang dibawa oleh Allah SWT.

Perkara utama yang menjurus kepada keintektualan Hamka sebagai ahli tafsir ialah melalui pendidikannya. Hal ini jelas dapat dilihat apabila beliau mendapat didikan al-Quran daripada bapanya sendiri, Abdul Karim Amrullah seawal umur lima tahun. Bapanya yang merupakan salah seorang ulama dan tokoh pembaharuan Islam di Minangkabau semestinya memberi ajaran dan didikan yang sempurna khususnya ilmu berkaitan dengan al-Quran. Ketika beliau meningkat remaja dan berumur 17 tahun, beliau telah menuju ke Yogyakarta untuk menuntut ilmu. Kota Yogyakarta menurut beliau memberi kesan besar dalam hidup beliau yang selama ini berlatar belakangkan suasana di Minangkabau. Beliau mempelajari tafsir, hadis dan fikah daripada ilmuan Islam dan tokoh pembaharuan Islam di Yogyakarta seperti Haji Omar Said Tjokroaminoto, Ki Bagus Hadikusumo, R.M Soerejo, HOS Pranoto dan K.H Fakhruddin.

Manakala kerjaya-kerjaya yang pernah dilakukan Hamka sepanjang hidupnya juga memberi pengaruh dalam menjurus beliau sebagai ahli tafsir. Bermula dengan bergiat dalam pertubuhan Muhammadiyah yang diasaskan oleh Haji Ahmad Dahlan pada tahun 1912 yang juga merupakan seorang reformis mendokong gagasan idea Syeikh Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh, fokus gerakan itu adalah membina kembali masyarakat Muslim Indonesia, mempertahankan Islam daripada pengaruh Barat serta serangan Kristian (Giora Eliraz 2002). Kemudian, Hamka menjadi guru agama, ahli politik, memimpin pengeluaran majalah-majalah kelIslaman, bergiat dalam kewartawanan, menjadi ketua majlis Ulama Indonesia, aktif dalam penulisan, menyampaikan syarahan di Universiti al-Azhar, konsisten dalam menyampaikan kuliah subuh sehinggalah kepada penahanan beliau di penjara selama dua tahun memberi kesan mendalam dalam membentuk beliau menjadi ahli tafsir. Beliau pernah merasakan pahit hidup ketika dipenjarakan atas arahan Presiden Soekarno. Beliau dipenjarakan pada tahun 1965 atas tuduhan menyertai Gerakan Anti Soekarno GAS, dan bersubahat untuk membunuh pemimpin tersebut. Akhirnya beliau dibebaskan pada 21 Julai 1966 (Ahmad Khusni 2003: 17). Segala ilmu pengetahuan dan pengalaman manis dan pahit digunakan sebaik mungkin bagi menghasilkan tafsir al-Quran yang bermutu selari dengan kehendak ayat-ayat al-Quran (Abdul Hanis Embong, 2014).

Daripada penjelasan ini, terbuktilah bahawa perjuangan Hamka adalah bertitik tolak daripada latar belakang kehidupannya yang diwarnai dengan pelbagai cabaran. Demikian juga pembentukan beliau sebagai ahli tafsir banyak dipengaruhi oleh pendidikan dan kerjaya beliau semasa muda.

ANALISIS ELEMEN-ELEMEN REFORMIS DALAM TAFSIR AL-AZHAR

Setelah mengenal pasti asas-asas kepada perjuang Hamka dan penulisan tafsirnya, bahagian ini membincangkan sumber rujukan tafsir Hamka serta menganalisis elemen reformis yang dimuatkan dalam *Tafsir al-Azhar*. Hal ini kerana perjuangan dalam kehidupan Hamka mempunyai corak tersendiri yang berbeza dengan *mufassir* sebelum ini, ia juga berkait rapat dengan rujukan beliau dalam menyempurnakan tafsirnya. Justifikasi terhadap huraian ayat dan peristiwa yang digunakan sebagai contoh adalah jelas berlandaskan al-Qur'an dan rujukan-rujukan Islam yang benar. Perkara ini diiktiraf oleh pengkaji-pengkaji sejarah yang terdiri daripada kawan dan lawan.

Hamka (1970) dalam pendahuluan tafsirnya menegaskan bahawa kitab-kitab tafsir yang menjadi rujukan beliau ketika menyusun dan menyelesaikan penulisan Tafsir al-Azhar adalah sebanyak 23 buah kitab. Kitab tafsir tersebut merangkumi kitab berbahasa Arab dan Melayu. Di samping itu, kitab-kitab rujukan lain seperti kitab hadis, kitab fiqh, kitab sirah, kitab tasawuf dan kitab-kitab karangan sarjana Barat turut dijadikan rujukan beliau. Oleh yang demikian, tidak hairan sekiranya ulasan dan juga perbincangan sarat dengan maklumat serta lemen-elemen memperjuangkan Islam yang menjadi perhatian beliau. Jumlah kesemua rujukan beliau adalah sebanyak 52.

Meskipun begitu, *Tafsir al-Azhar* dilihat dari segi kaedah pentafsirannya menyerupai *Tafsir al-Manar* yang dikarang oleh Rashid Rida (w. 1354 H) berdasarkan kepada kaedah tafsiran gurunya iaitu Syeikh Muhammad Abduh. *Tafsir al-Azhar* juga seperti *Tafsir al-Manar* merangkumi subjek-subjek yang sangat luas seperti hadis, fikah, sejarah, politik, sosial, isu semasa dan sains moden (Wan Sabri 2001: 64). Perkara ini tidak menghairankan kerana beliau sendiri mengakui bahawa *Tafsir al-Manar* telah menjadi sumber inspirasi utamanya dalam menetapkan corak penafsiran. Dalam hal ini beliau secara terang menulis (Hamka 1970: 1/41):

Tafsir yang amat menarik hati penafsir buat dijadikan contoh ialah Tafsir al-Manar karangan Sayyid Rasyid Ridha, berdasarkan kepada ajaran tafsir gurunya Syaikh Muhammad Abduh. Tafsir beliau ini, selain dari menghuraikan ilmu berkenaan ayat agama, mengenai hadis, fiqh dan sejarah dan lain-lain,

juga menyesuaikan ayat-ayat itu dengan perkembangan politik dan kemasyarakatan, yang sesuai dengan zaman di waktu tafsir itu dikarang. Meskipun tafsir itu beliau tulis hanya 12 juz sahaja, artinya tidak sampai separuh al-Quran, namun dia dapat dijadikan pedoman di dalam meneruskan penafsiran al-Azhar ini sampai tamat. Meskipun soal-soal kemasyarakatan dan politik dunia Islam sudah banyak berubah, namun dasar penafsiran yang beliau tegakkan, masih tetap hangat dan dapat dicontohi, tidak basi.

Hamka turut mengakui bahawa beliau telah dipengaruhi oleh sekurang-kurangnya dua tafsir utama yang lain iaitu *Tafsir al-Maraghi* karangan Ahmad Mustafa al-Maraghi (w. 1945) dan *Tafsir Mahasin al-Ta'wil* karangan Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi (w. 1914) (Hamka 1970: 41). Kitab tafsir yang lain turut dijadikan rujukan ialah *Tafsir al-Tabari* oleh Imam Muhammad Ibn Harir al-Tabari (w. 310 H), *Tafsir al-Baghawi* oleh Imam Abu Muhammad Husin Ibn Masud al-Baghawi (w. 516 H), *Tafsir al-Razi* oleh Imam Abu Abdullah Muhammad Ibn Umar al-Razi (w. 660 H), *Tafsir al-Nasafi* oleh Abu al-Barakah Abdullah Ibn Ahmad al-Nasafi (w. 710 H), *Tafsir Ibn Kathir* oleh Imam Ismail Ibn Umar Ibn Kathir (w. 774 H), *Tafsir al-Jalalayn* oleh Imam Jalal al-Din Ibn Abd al-Rahman al-Suyuti dan Imam Jalal al-Din al-Mahalli, *Tafsir Fath al-Qadir* oleh Muhammad Ibn Ali al-Syaukani (w. 1250 H), *Tafsir Ruh al-Ma'ani* oleh Imam Shibab al-Din Mahmud Ibn Abdullah al-Alusi (w. 1270 H), *Tafsir fi Zhilal al-Qur'an* oleh Imam Sayyid Qutb Ibrahim Husin Shazili (w. 1966 M) dan *Tafsir Mahasin al-Ta'wil* oleh Imam Muhammad Jamal al-Din Ibn Muhammad al-Qasimi (w. 1332 H).

Manakala kitab fiqh yang menjadi rujukan beliau antaranya ialah kitab *al-Risalah* oleh Imam Abu Abdullah Muhammad Ibn Idris al-Syafi'ie (w. 204 H), kitab *al-Muhazzab* oleh Imam Ibrahim Ibn Ali al-Shirazi (w. 476 H), kitab *Majmu' Syarh al-Muhazzab* oleh Imam Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi (w. 676 H) dan kitab *al-Islam 'Aqidah wa Syari'ah* oleh Imam Mahmud Shaltut (w. 1963 M). Kitab-kitab hadith yang menjadi rujukan beliau ialah kitab *Fath al-Bari fi Sharh al-Bukhari* oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani, kitab *Sunan Abi Daud*, kitab *Sunan al-Tirmizi*, kitab *al-Tarhib wa al-Tarhib* oleh al-Hafiz al-Munziri, kitab *Riyad al-Solihin* oleh Imam An-Nawawi, dan kitab *al-Muwatta'* oleh Imam Malik bin Anas.

Kitab-kitab tasawuf yang menjadi rujukan *Tafsir al-Azhar* ialah kitab *Ihya' Ulum al-Din* oleh Imam al-Ghazali, kitab *al-Arbain fi Usul al-Din* oleh Imam al-Ghazali, *Madarij al-Salikin* oleh Imam Ibn Qayyim al-Jauzi, kitab *Qut al-Qulub* oleh Abu Talib al-Makki, kitab *al-Insan al-Kamil* oleh Abdul Karim al-Daili dan kitab *al-Futuh al-Makkiyyah* oleh Ibn al-Arabi. Kitab-kitab sirah Rasulullah SAW yang menjadi rujukan tafsir ini ialah kitab Sirah Ibn Hisham oleh Ibn Hisyam, kitab *al-Shifa'* oleh Qadi Iyad dan kitab *Zad al-Ma'ad* oleh Ibn Qayyim al-Jauzi.

Kesemua kitab rujukan yang terdiri daripada kitab tafsir, kitab fikah, kitab hadith, kitab tasawuf dan juga kitab sirah adalah berjumlah 52 buah kitab. Perkara ini menunjukkan ketinggian penguasaan Hamka dalam pelbagai disiplin ilmu bahasa, sama ada bahasa Arab dan Melayu. Beliau berjaya memahami kebanyakan bahan bacaan beliau seterusnya menterjemahkan pengetahuan tersebut dalam penulisan tafsir. Beliau menunjukkan kesungguhan yang jitu dalam menyiapkan *Tafsir al-Azhar* dengan menggunakan berpuluh-puluh buah kitab rujukan. Harapan beliau ingin menjadikan *Tafsir al-Azhar* sebagai panduan dan bacaan ilmiah khususnya kepada masyarakat berbangsa Melayu dalam memahami kitab suci al-Quran.

Dalam usaha Hamka menyediakan tafsiran yang terbaik untuk masyarakat, di samping rujukan yang pelbagai, beliau juga melakukan tafsiran yang tersusun dan teratur supaya mudah difahami oleh pembaca. Ayat al-Quran yang ditafsirkan terlebih dahulu dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan ayat yang kecil, setiap kumpulan ayat mengandungi beberapa ayat disatukan berdasarkan tema yang sama, atau hampir sama. Kemudian, beliau kemukakan ayat-ayat tersebut diikuti terjemahannya tanpa huraian. Seterusnya pada bahagian bawah, dihuraikan pula kumpulan ayat secara mendalam dimulai dengan tajuk yang ditetapkan oleh Hamka. Contohnya seperti puasa.

Puasa bulan Ramadhan telah termasuk salah satu dari lima Rukun (tiang) Islam. Dalam bahasa Arab puasa disebut shiyam atau shaum, yang pokok artinya ialah menahan. Di dalam peraturan Syara' dijelaskan bahwasanya shiyam menahan makan dan minum dan bersetubuh suami isteri dari waktu fajar sampai waktu magrib. Maka setelah nenek moyang kita memeluk agama Islam kita pakailah kata PUASA buat menjadi arti daripada shiyam itu. Berturut turut ayat terdahulu menyatakan hukum-hukum Islam, baik pada hukum solat, zakat, pada seterusnya dibicarakan hal keadaan hukum puasa terhadap umat Islam (Hamka 1970: 2/94).

Kemudian barulah dimulakan huraian dan penjelasan secara terperinci setiap rangkap ayat-ayat tersebut. Terdapat juga dalam satu ayat dipisahkan kepada beberapa bahagian kerana diselangi dengan keterangan yang bersesuaian. Keterangan ini melibatkan perkara yang lebih lanjut seperti menghuraikan makna ayat dengan mengemukakan hadis Nadi Muhammad SAW dan riwayat para Sahabat, tabiin dan ulama tafsir. Pada huraian lebih lanjut, dikemukakan perbincangan tentang hukum-hakam merangkumi permasalahan-permasalahan fikah dan pendapat-pendapat yang diterima pakai oleh pengarang tafsir.

Setelah sampai kepada penghujung huraian, HAMKA kebiasaannya mengakhiri penafsiran ayat-ayat hukum dengan beberapa pengajaran dan kesimpulan yang terdapat dalam ayat tersebut. Contohnya:

Berturut-turut, dalam dua ayat menjawab pertanyaan tiga soal iaitu arak, judi dan memakan harta anak yatim, tetapi ketiganya satu perkara utama iaitu tentang harta benda. Semua dijawab dengan jawab yang memuaskan, dan dipatrikan dengan suruhan berfikir. Jawab bahwa yang pokok ialah iman. Sebab iman membawa kejujuran. Kalau iman telah ada, maka anak yatim itu tidaklah dipandang sebagai orang lain. Kesimpulan terakhir dari ketiga soal, berfikir baik-baik untuk selamat dunia dan akhirat (Hamka 2/196).

Secara umumnya, susunan tafsiran yang dilakukan Hamka adalah sistematik dengan menetapkan tema tertentu sebelum memulakan huraian. Hanya dalam sesetengah huraian terdapat penggabungan antara ayat sebelumnya kerana tiada permasalahan besar dalam memahami ayat tersebut dalam konteks semasa.

Sebaliknya, Johanna Pink (2010) menegaskan penulisan Hamka dalam tafsirnya tidak mengikuti struktur yang jelas serta tidak mempunyai kaedah yang sistematik. Kesimpulan seperti ini berkemungkinan berpunca daripada ketidakfahaman terhadap kaedah tafsir yang umum dan khusus, atau penulis sekadar membaca sebahagian huraian dan tidak menyeluruh.

Setelah mengetahui sumber rujukan dan kaedah tafsir beliau secara ringkas, bahagian ini akan menjelaskan pula elemen reformis dalam tafsiran yang dilakukan oleh Hamka, secara tidak langsung ia memperlihatkan corak tersendiri Hamka dalam menghubungkan ayat al-Quran, rujukan-rujukan beliau dengan perjuangan Islam yang ditempuhi.

i. Galakan Penggunaan Pancaindera

Hamka secara peribadi menolak *taqlid* (tiru) semata-mata tanpa mempunyai hujah terhadap satu-satu perkara, beliau menggalakkan agar umat Islam melalui proses pemikiran yang matang yang dinamakan oleh beliau dengan '*akal yang berpedoman*' serta memanfaatkan sebaik mungkin pancaindera yang dikurniakan oleh Allah SWT. Sebagai titik permulaan menurut Khairudin Aljunied (2017), Hamka menekankan bahawa masalah yang berlaku dalam golongan intelektual yang statik tidak mahu menerima perubahan dalam kalangan masyarakat Muslim Asia Tenggara semakin meningkat dari semasa ke semasa ketika kehidupan beliau. Krisis ini merupakan gambaran idea yang disebarkan oleh kumpulan yang skeptikal, tidak mahu menggunakan hujah atau rasional dalam memberi pemahaman baru tentang Islam. Kumpulan ini digambarkan sangat bergantung kepada golongan ilmuan ketika itu, dan terbiasa dengan sikap tidak mempersoalkan perkara-perkara yang datang kepada mereka.

Hamka termasuk dalam golongan yang mendokong tradisi rasional iaitu berhujahkan dengan alasan yang munasabah bagi mendasari sesuatu tindakan, perbuatan dan pegangan menurut pertimbangan fikiran yang waras serta matang. Beliau memanfaatkan tulisan-tulisan pemikir Muslim yang hebat dimulai dengan para sarjana pada abad pertengahan daripada Imam al-Ghazali, Ibn Rushd dan Ibn Taymiyyah, sehingga kepada sarjana reformis kontemporari seperti Syeikh Muhammad Abduh dan Muhammad Iqbal untuk meyakinkan pembacanya bahawa akal dan rasional adalah alat penting untuk memahami perkara yang baik dan buruk.

Oleh yang demikian, huraian dalam *Tafsir al-Azhar* sering dimuatkan dengan peringatan supaya berfikir dan menggunakan akal fikiran sewajarnya. Ketika melakukan tafsiran ayat tentang puasa, setelah sampai kepada penghujung huraian, Hamka kebiasaannya mengakhiri pentafsiran ayat-ayat al-Quran dengan beberapa pengajaran dan kesimpulan yang terdapat dalam dua ayat tersebut. Contohnya seperti berikut:

Berturut-turut, dalam dua ayat menjawab pertanyaan tiga soal iaitu arak, judi dan memakan harta anak yatim, tetapi ketiganya satu perkara utama iaitu tentang harta benda. Semua dijawab dengan jawab yang memuaskan, dan dipatrikan dengan suruhan berfikir. Jawab bahwa yang pokok ialah iman. Sebab iman membawa kejujuran. Kalau iman telah ada, maka anak yatim itu tidaklah dipandang sebagai orang lain. Kesimpulan terakhir dari ketiga soal, berfikir baik-baik untuk selamat dunia dan akhirat (Hamka: 2/196).

Di sini Rasulullah telah diperintahkan Tuhan menyampaikan ajakan berfikir kepada umat dengan dua penjelasan, pertama pertimbangkanlah terlebih dahulu manakah yang besar dosanya daripada manfaat? Dosa lebih besar dan manfaatnya hanya sedikit. Berkali-kali orang mabuk dan akalnya hilang, diri tidak terkendalikan, agama jadi kacau, sembahyang berceceran, kadang-kadang membuat malu di hadapan orang ramai. Orang peminum rusak jasmani dan rohani, rusak jantungnya. Hanya sekali dalam ratusan kali ada orang dapat manfaat. Semua dijawab dengan jawapan yang memuaskan dan dipatrikan dengan suruhan berfikir. Orang peminum arak dan berjudi adalah orang yang memboroskan harta, menganiaya diri dan membawa kepada kecelakaan (Hamka: 2/192).

Secara umumnya, Hamka mengajak para pembaca berfikir bersama-sama dalam isu arak, judi dan memakan harta anak yatim. Beliau mengaitkan ketiga-tiga perkara tersebut dengan keimanan, semakin tinggi nilai keimanan maka semakin seseorang menjauhkan diri daripada perkara-perkara keji yang akhirnya membawa kepada kebinasaan dunia dan akhirat. Bukan sekadar itu, bahkan Allah SWT sendiri mengajak manusia supaya berfikir melalui ayat pengharaman arak, keburukan yang terdapat padanya lebih banyak daripada kebaikan. Dalam mendidik manusia agar berfikir, Hamka menyatakan bahawa (1970: 3/7):

Dan terlebih dahulu hendaklah kita ingat bahawa manusia dijadikan oleh Allah berlainan daripada makhluk yang lain. Manusia diberikan akal buat menimbang buruk dan baik, mudarat dan manfaat. Seluruh manusia yang berakal budi tidaklah menyukai yang buruk, dan tidaklah menginginkan yang mudarat. Manusia itu sentiasa mencari mana yang lebih benar dan mana yang lebih manfaat. Akal manusia dijadikan pula tidak sama pertumbuhannya, ada yang tinggi dan yang rendah. Asasnya adalah menggunakan akal fikiran sebaik mungkin kerana pemberian dari Ilahi.

Hamka juga mengambil berat mengenai isi kandungan yang implisit, mahupun yang eksplisit serta pengajaran yang terkandung di sebalik ayat-ayat al-Quran. Beliau menjalankan huraian sedemikian rupa kerana hukum-hakam yang terkandung dalam ayat tersebut telah lebih dahulu ditafsirkan oleh ahli tafsir yang terdahulu. Beliau melakukan pendekatan berfikir agar hukum-hukum yang terkandung dalam al-Quran itu dapat lebih mudah diterima oleh masyarakat dengan memberitahu mereka secara hikmah, mendidik dan mengajar mereka berfikir. Perkara seperti ini lebih memberi kesan yang mendalam terhadap para pembaca sehingga menyentuh perasaaan dan membuka akal mereka untuk berfikir secara mendalam. Dalam mendidik manusia agar berfikir, HAMKA menyatakan bahawa:

Dan terlebih dahulu hendaklah kita ingat bahawa manusia dijadikan oleh Allah berlainan daripada makhluk yang lain. Manusia diberikan akal buat menimbang buruk dan baik, mudarat dan manfaat. Seluruh manusia yang berakal budi tidaklah menyukai yang buruk, dan tidaklah menginginkan yang mudarat. Manusia itu sentiasa mencari mana yang lebih benar dan mana yang lebih manfaat. Akal manusia dijadikan pula tidak sama pertumbuhannya, ada yang tinggi dan yang rendah. Asasnya adalah menggunakan akal fikiran sebaik mungkin kerana pemberian dari Ilahi (Hamka 1970: 3/7).

Galakan berfikir oleh Hamka dikemukakan berulang-ulang kali dalam tafsirnya. Perkara ini sekaligus menunjukkan bahawa beliau mahu masyarakat Islam di Indonesia khususnya berfikir dalam setiap perkara yang berkait sebab-akibat, lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan perjuangan Islam. Akal merupakan aspek terpenting bagi membuktikan kebenaran yang diperjuangkan. Bagi tujuan memanfaatkan penggunaan akal sebaik mungkin, Hamka mengajak umat Islam agar berani dalam mengeluarkan *ijtihad* (pandangan sendiri secara ilmiah). Kebebasan *ijtihad* menurut beliau adalah satu aktiviti dan proses untuk menyingkapi perkara-perkara yang tersirat dalam kehidupan Muslim, bukanlah *ijtihad* di sini merujuk kepada perkara yang besar yang memerlukan kepada kepakaran dalam pelbagai disiplin ilmu. Melalui budaya *ijtihad* ini mampu untuk menggerakkan masyarakat Islam khususnya di Asia Tenggara untuk menyelesaikan pelbagai isu secara kreatif dan dinamik.

Bukan sekadar itu, masyarakat Islam juga berkemampuan untuk melakukan pembaharuan melalui idea-idea yang terhasil dengan berijtihad serta mudah membiasakan diri dengan kemodenan dunia kini secara efektif tanpa menghakiskan jiwa Islam itu sendiri. Dengan *ijtihad*, masyarakat dituntut untuk

aktif dalam mencari kebenaran agama bagi diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Hal ini disebabkan kepentingan yang wujud dalam penguasaan ilmu dan kuasa, maka begitu juga kehilangan penguasaan ilmu adalah kehilangan penguasaan kekuasaan yang akhirnya mengakibatkan keburukan yang lebih teruk (Giora Eliraz 2002).

Kemuncak kepada penggunaan rasional serta pancaindera ini akan memandu seseorang untuk mencapai kepada hikmah. Hikmah juga dapat diterjemahkan dengan kebijaksanaan, atau mampu memahami panduan ayat-ayat al-Quran serta melihat keesaan Allah SWT disebalik setiap perkara yang berlaku. Hikmah tidak dapat diperolehi daripada membaca buku atau mempelajari sesuatu dalam masa yang lama, ia adalah gaya pemikiran yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada mereka yang sentiasa merenung perkataan Tuhan dan penciptaannya dengan pemahaman yang komprehensif mengenai realiti kehidupan. Seperti yang dijanjikan dalam al-Quran (QS 1:269) yang bermaksud: 'Dia memberi hikmah kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan sesiapa yang diberikan hikmah itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya' (Hamka 1970: /655).

Meskipun begitu, menurut pandangan Hamka, rasional berpandukan akal fikiran yang waras juga mempunyai batasan, lebih-lebih lagi apabila menyentuh perkara keimanan dan kepercayaan. Dalam keadaan ini, rasional mesti dipandu oleh wahyu Allah SWT iaitu al-Quran dan hadis, kemudian diterjemahkan melalui akhlak serta budi pekerti yang baik secara berterusan dalam setiap keadaan.

ii. Kesepaduan Antara Dalil *Naqli* Dengan *Aqli*

Dalam tafsiran Hamka, beliau menggunakan kaedah tafsir *bi al-ma'thur* iaitu tafsiran berdasarkan al-Qur'an, al-Sunnah, pendapat Sahabat dan pendapat Tabi'in. Selain itu sekiranya terdapat kajian saintifik daripada sarjana Barat berkaitan huraian ayat, beliau turut menukilkan juga agar penjelasannya bersifat menyeluruh dan mudah difahami.

Hamka dalam pendahuluan tafsirnya menegaskan bahawa:

Di dalam hal yang mengenai pengetahuan umum, kerap kali penafsir meminta bantuan daripada ahlinya. Seketika mengupas soal-soal ilmu falak, pernah penafsir meminta bantuan ahli falak yang terkenal, putera ahli falak yang terkenal pula, saudara Sa'aduddin Jambek. Demikian pula dalam hal yang lain-lain, penulis meminta bantuan ahlinya (Hamka 1970: 1/42).

Antara contoh huraian yang melibatkan kajian-kajian terkini dan pengetahuan umum, dapat diperhatikan huraian ayat ke-223, surah al-Baqarah mengenai kelebihan susu ibu berbanding susu lembu:

Seorang sarjana kenamaan Dr. Paul Gyorgy, menyatakan dalam huraianya bahwa: 'Air susu ibu manusia adalah untuk bayi manusia, dan air susu sapi adalah untuk sapi'. Dikemukakannya pendapat tersebut adalah sehubungan dengan adanya kenyataan bahwa penggunaan air susu ibu untuk anak manusia dewasa ini mulai kurang populer. Bahkan di negara-negara yang baru berkembang, antara lain disebutkan Indonesia, Philipina, Brazil, Costa Rica, Libya dan lain-lain, lebih kurang 80% sampai 90% dari bayi-bayi yang mendapat susu dari ibunya sendiri selama kurang lebih sepuluh bulan, kini juga sudah mulai berkurang. Bahkan di negara-negara yang sudah maju seperti Amerika Syarikat misalnya, di sana Cuma 12% sampai 25% saja anak-anak bayi yang menerima susu dari ibunya sendiri. Kebanyakan mereka mendapat susu berdasarkan apa yang disarankan oleh doctor untuk mengganti susu ibunya. Padahal dikatakan oleh sarjana tersebut bahawa penggunaan susu yang bukan susu ibunya bagi bayi mempunyai kemungkinan yang sangat membahayakan kesihatan si bayi. Demikian saranan dari Dr. Paul, seorang profesor dalam pediatrics pada Rumahsakit Umum di Philadelphia. Semoga pernyataan tersebut mendapat perhatian dari ibu-ibu di Indonesia, bahawa sesungguhnya: "Susu manusia adalah untuk manusia dan susu sapi adalah untuk anak sapi" (Hamka 1970: 2/237).

Dalam teks di atas, beliau telah membawakan fakta yang telah dikemukakan oleh seorang sarjana Barat terhadap kebaikan susu ibu berbanding susu lain. Beliau turut mengemukakan bukti-bukti penyelidikan terperinci yang telah dijalankan oleh orang Barat atau orientalis bagi membenarkan fakta yang dikemukakan. Fakta tersebut sebenarnya adalah untuk membenarkan setiap yang telah dianjurkan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah iaitu keperluan menyusukan anak.

Menurut Hamka juga, melalui penyelidikan-penyelidikan dan kajian-kajian yang mendalam dapat membuat seseorang mengetahui kewujudan Allah SWT dalam kehidupan. Perkara ini berlaku sama ada terhadap orang Islam ataupun bukan Islam. Beliau menambah huraian dengan menulis:

Penyelidikan ilmu-ilmu pengetahuan yang telah demikian tinggi pada abad kita rupanya telah membawa para sarjana Islam dan Barat kepada keimanan akan adanya Tuhan menurut sistem yang diajarkan oleh al-Quran. Beberapa buku tentang kepercayaan kepada adanya Allah Yang Maha Kuasa, ditinjau dari segi ilmu telah banyak dikeluarkan orang. Satu di antaranya karangan Prof. Cressaon telah disalin ke dalam bahasa Indonesia dengan judul *Manusia Tidak Hidup Sendirian*. Beberapa orang ahli telah menulis dalam buku itu dan dari bidangnya masing-masing tentang hal ini. Buku ini telah disalin oleh Dr. Damardasy Abdul Majid Sarhan ke bahasa Arab (Hamka 1970: 2/45).

Terdapat banyak lagi maklumat berinformasi yang berkaitan dengan ayat-ayat hukum dinyatakan dalam tafsiran beliau. Keterbukaan beliau dalam banyak perkara membuatkan masyarakat sekeliling dan para pembaca menilainya dari sudut positif. Melalui metode seperti ini berperanan penting untuk menguatkan kepercayaan kita kepada kuasa Allah SWT dalam semua perkara tanpa batasan tempat dan fikiran.

Dalam perkara ini, Hamka menerima kajian yang dilakukan oleh orientalis bagi menyeimbangi tafsiran yang dilakukan. Beliau menegaskan, umat Islam kini perlu berfikir terbuka and tidak perlu berfikir sempit yang akhirnya menolak setiap kata-kata orientalis. Sekiranya terdapat kebaikan dalam kajian yang dilakukan, tidak menjadi satu kesalahan umat Islam memanfaatkan kajian tersebut. Meskipun begitu, bukanlah perkara yang mudah untuk menerimanya secara menyeluruh kerana dua sebab, pertama ialah kerana kepentingan penjajahan, dan kedua ialah kepentingan penyebaran agama Kristian (Khairudin Aljuneid, 2015).

iii. Tauhid Sebagai Pasak Kehidupan Dan Falsafah Al-Qur'an Sebagai Penyelesaian

Dalam *Tafsir al-Azhar*, Hamka begitu menekankan aspek tauhid sebagai pasak kehidupan. Manakala falsafah al-Qur'an sebagai penyelesaian terhadap setiap masalah masyarakat. Beliau menggesa masyarakat ketika itu untuk kembali kepada ajaran al-Qur'an yang sebenar, perjuangan Islam merupakan perjuangan hakiki yang tiada akhirnya.

Ketika melakukan tafsiran, Hamka telah merakam kembali pelbagai tuduhan palsu dan cubaan penyelewengan yang dibuat oleh musuh Islam khususnya daripada Barat dan menjawabnya berdasarkan al-Qur'an. Beliau mencuba sedaya upaya menangkis kembali hujah mereka melalui perbincangan yang ilmiah supaya dapat dikembalikan kefahaman Islam yang sebenar. Antara contoh tuduhan palsu terhadap Islam ialah mengenai ibadah puasa, mereka menyatakan dengan berpuasa menyebabkan umat Islam lapar dan mula melakukan maksiat seperti mencuri. Contohnya seperti berikut:

Di waktu negeri kita ini masih dijajah orang Belanda, kalau terjadi orang mencuri di dekat-dekat hari puasa, dengan lancang dan rasa kebencian mendalam, pegawai Belanda menyatakan bahawa sebab-sebab orang itu mencuri ialah kerana akan puasa. Ramai yang mempercayai tuduhan tersebut sehingga masyarakat Islam sendiri, caranya berfikir telah dipengaruhi oleh pendidikan jajahan Barat. Mereka mendakwa apabila telah datang bulan puasa, belanja orang Islam lebih besar daripada perbelanjaan biasa pada bulan-bulan lain dan akhirnya mencuri. Alasan yang demikian bukan ilmiah, hanyalah kebencian yang diilmiahkan. Pencuri bukanlah orang yang berpuasa. Pencuri adalah orang-orang yang telah rosak budi dan jiwanya. Menuduh orang Islam jadi pencuri kerana berpuasa sama jugalah dengan menuduh orang Kristian Eropah ditimpa penyakit kaum Nabi Lut, kerana Kristian sendiri mengajar hidup membujang bagi pendeta. Dan orang Kristian banyak mabuk di Hari Natal, sebab agamanya menyuruh minum anggur (Hamka 1970: 2/97).

Pada contoh di atas, pegawai Belanda telah menuduh ibadah puasa telah menyebabkan berlakunya kecurian. Mereka menyatakan perbelanjaan orang Islam meningkat apabila tibanya bulan puasa dan mendorongnya untuk mencuri. Tuduhan sebegini menurut Hamka tidak berasaskan ilmu, bahkan kebencian terhadap agama Islam. Beliau telah menjawab tuduhan tersebut dengan al-Qur'an dan menyatakan agama Kristian sendiri yang sebenarnya menyebabkan penganutnya melakukan maksiat, bukanlah agama Islam. Perkara yang sama juga boleh dilihat berdasarkan kepada contoh berikut:

Di dalam majalah *Gema Islam* no. 24 tahun 1963, penulis Tafsir ini membantah tuduhan kepada Islam yang dikemukakan oleh seorang Zending Kristen Belanda, iaitu Prof. Dr. J. Verkuyl, menyatakan dalam fiqh Islam tidak ada jaminan kepada hak perempuan, orang dapat menjatuhkan talak sesuka hati. Prof. Dr. J. Verkuyl seorang sarjana beragama Kristian, dan di samping itu juga seorang Zending Kristian yang bekerja giat menyebarkan agamanya di Indonesia, dalam rangka yang telah diatur bertahun-tahun untuk mengkristiankan Indonesia ini. Oleh kerana beliau seorang Profesor dan Doktor, orang yang dangkal ilmunya dapat mengangka saja bahawa yang dituliskannya itu adalah ilmiah (Hamka 1970: 2/223).

Contoh di atas telah dikemukakan oleh Hamka ketika menghuraikan ayat hukum mengenai rujuk dan talak dalam surah al-Baqarah. Prof. Dr. J. Verkuyl telah menuduh Islam menafikan hak-hak wanita melalui talak. Namun begitu, semua tuduhannya telah ditolak oleh Hamka dengan panjang lebar berdasarkan kepada dalil al-Quran dan hadis. Beliau menerangkan secara ilmiah hak-hak wanita yang ada dalam peraturan Islam, tidak seperti tuduhan musuh-musuh Islam. Kesemua perbincangan dan hujah-hujah yang dikemukakan oleh Hamka melibatkan lima muka surat bercetak. Hal ini membuktikan betapa beliau bersungguh-sungguh mempertahankan ajaran murni Islam dengan menafikan tuduhan tersebut berdasarkan kepada ayat dan falsafah al-Qur'an.

Pendirian Hamka dalam perkara tauhid dan akidah tidak dapat disangkal lagi, pada tahun 1981 ketika menjadi ketua Majlis Ulama Indonesia (MUI) telah memutuskan fatwa haram menyertai perayaan Krismas. Hal ini disebabkan kebiasaan kaum Kristian Protestan dalam amalan tertentu seperti perayaan Krismas telah wujud dan orang yang bukan Kristian telah dijemput untuk mengambil bahagian. MUI menerima banyak laporan tentang murid-murid Muslim di sekolah-sekolah Kristian yang digalakkan hadir di pertandingan perayaan dan disuruh berlakon sebagai Joseph atau Mary atau sebagai malaikat dalam pementasan sempena Krismas. Sebahagian yang lain mengadu bahawa mereka terpaksa menyanyikan lagu Krismas di sekolah atau di dalam mesyuarat di pejabat-pejabat. Sebagai tindak balas kepada itu, beberapa orang Kristian menjawab, bahawa keharmonian agama akan menjadi terancam jika mereka enggan menyertai mereka. Ramai dalam kalangan murid sekolah tidak berani mengadu, kerana takut akan gagal dalam peperiksaan mereka (Karel Steenbrink 1994).

Fatwa yang dikeluarkan tidak diterima oleh K. H. Syukri Ghozali dan menganggap keputusan itu sebagai salah dan tidak sah. Hamka menulis dalam majalah *Panji Masyarakat*, ia tidak boleh dianggap sebagai salah dan tidak sah, walaupun dengan menariknya dari perenyebaran pun tidak mengurangi nilai fatwa itu sendiri, sebagaimana hukum tersebut adalah berasaskan kepada pegangan al-Quran dan hadis. Tanggal 19 Mei 1981, Hamka meletak jawatan sebagai ketua MUI tanpa menunggu keputusan daripada Menteri Hal Ehwal Agama ketika itu.

iv. Memberi Jawapan Terhadap Isu-Isu dalam Masyarakat Islam

Hamka turut memuatkan isu-isu masyarakat Islam dalam huraian tafsir ayat-ayat al-Quran. Isu-isu tersebut sama ada yang berlaku di Indonesia sendiri ataupun di negara-negara Islam yang lain. R. Michael Feener (2017) menggambarkan penulisan Hamka sebahagian besarnya adalah bertujuan untuk mempertahankan Islam terhadap pengertian moden Barat dan ancaman komunis yang semakin meningkat. Contohnya ketika menghuraikan ayat mengenai pengharaman arak dalam surah al-Baqarah ayat ke-184, HAMKA menceritakan keadaan yang berlaku di Indonesia selepas tersebarnya arak dan judi. Beliau menyatakan (Hamka 1970, 2/193):

Tetapi kita pun insaf bagaimana pula pemerintah penjajah berusaha merusak jiwa kaum muslimin dalam jajahan mereka, agar mereka mabuk dengan minuman dan sengsara kerana berjudi, sehingga menjadi rahsia umumlah di beberapa negeri di Indonesia di zaman jajahan bahwa pegawai-pegawai, sulthan-sulthan di Sumatera Timur, bupati-bupati di Jawa banyak yang melarat karena mabuk, terutama karena judi. Bahkan beberapa raja diajar minum candu dan dadah, dibawakannya oleh Kontelir ke istana sebagai hadiah. Sesudah zaman merdeka ini, lebih teruk pekerjaannya karena telah banyak yang suka minum, namun demikian penyelidik dari luar negeri datang, belum juga mereka melihat bahwa penyakit ini telah menjadi penyakit umum, sebab kekuatan beragama masih ada pada waktu itu.

Berdasarkan ungkapan ini, Hamka memberi pendedahan akibat buruk yang berlaku akibat arak dan judi yang telah dibawa oleh penjajah-penjajah Belanda, sehingga beliau menyifatkan kebiasaan meminum arak ini sebagai satu penyakit.

Mengenai isu penyebaran agama Kristian yang berlaku di negara-negara Islam, Hamka turut memberi perhatian padanya. Beliau menyatakan pada huraian ayat hukum mengenai jihad bahawa (Hamka 1970, 1/274):

Pemegang kuasa adalah orang yang mendapat pendidikan Barat, beragama Kristian. Itu sebabnya sampai sekarang orang Kristian yang jumlahnya sedikit di negeri Islam seperti di Mesir, Syria, Irak dan di Jordan masih tetap ada sekalian lama. Mereka telah dilindungi sejak 14 abad yang lalu. Di Lubnan, mereka dapat dirikan negara sendiri, di mana mereka dapat menjadi Presiden menurut Undang-Undang Dasar yang disokong oleh Perancis di waktu Lubnan mencapai kemerdekaannya. Lain pula di Sepanyol ketika kejatuhan kerajaan Islam di Granada, maka umat Islam yang tinggal di Sepanyol dipaksa masuk Kristian dengan keras dan masjid-masjid dijadikan gereja. Sesiapa yang enggan, akan diusir secara keras ke negara lain. Sebab itu, maka habis musnahlah minoritas Islam dari negara Sepanyol, Portugal dan juga Perancis.

Hamka turut mengaitkan negara-negara Islam yang lain ketika membuat huraian terhadap ayat-ayat al-Quran. Beliau menjelaskan kekuasaan yang dimiliki oleh orang Kristian dan perkara yang dilakukan bagi tujuan membasmi agama Islam daripada tersebar. Isu-isu kemasyarakatan yang diutarakan oleh beliau bertujuan memberi pengajaran kepada pembaca supaya lebih terbuka mindanya terhadap isu umat Islam di sekeliling.

Jelaslah bahawa Hamka mempunyai pendirian yang teguh dengan prinsip yang dipegang sepanjang hidup beliau, sekiranya terdapat masalah agama atau negara yang bertentangan dengan prinsip beliau berdasarkan norma agama maka akan ditolak dengan hujah-hujah yang kukuh. Perkara ini juga sebagai kekuatan beliau untuk membangunkan agama dan negara dari setiap sudut. Perkara ini dapat dilihat ketika beliau mengundurkan diri apabila tidak bersependapat dengan pemerintah ketika itu, Soeharto (Azyumardi, 1998).

Sebagai contoh lain menurut Karel Steenbrink (1994), Hamka pernah dituduh sebagai pengkhianat kerana hubungan baik dengan penjajah Jepun dan setia dengannya serta mendapat beberapa manfaat kepada diri sendiri. Hakikatnya menurut Saat N. (2017), hubungan beliau dengan penguasa-penguasa Jepun membolehkan gerakan Muhammadiyah yang ketika itu merupakan gerakan pembaharuan Islam pada tahun 1912 di Yogyakarta memperluas jangkauannya di Sumatera. Namun akhirnya, Hamka menjauhkan diri daripada pihak Jepun, kerana takut timbul tindak balas daripada masyarakat Indonesia.

v. Perbandingan antara Kitab Taurat, Injil dengan al-Quran.

Hamka turut memasukkan elemen perbandingan agama dalam tafsirannya, beliau bersama-sama Ismail Raji al-Faruqi (w. 1981 M) termasuk dalam kategori sarjana Muslim yang meneruskan perbincangan ilmiah tentang perbandingan agama (Zuriati Mohd Rashid, 2010). Keilmuan beliau bukan sahaja terbatas dalam lingkungan Islam semata-mata, malah mampu mengemukakan hujah-hujah daripada kitab selain al-Quran. Johanna Pink (2010) turut menegaskan Hamka sangat menekankan aspek yang berkaitan dengan konspirasi Yahudi-Kristian-Atheis, dalam perkara ini beliau jelas mempunyai pendirian tersendiri dan tidak seperti ahli-ahli tafsir moden lain yang lantang tanpa sebarang hujah dan bukti.

Ketika huraian dilakukan, Hamka telah menggunakan pendekatan perbandingan antara isi kandungan kitab Taurat, Injil dengan ayat-ayat al-Quran. Beliau turut menyalin kembali hukum-hukum, isi kandungan kitab Taurat dan Injil yang menjadi pegangan kepada kaum Yahudi dan Kristian secara teliti termasuklah dinyatakan nama kitab tersebut dan bilangan ayat. Metode perbandingan seperti ini dapat dilihat pada tafsiran ayat hukum mengenai talak. Pada huraian ayat tersebut, beliau mendatangkan hukum talak yang terdapat dalam ajaran Kristian. Perbandingan yang dilakukan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap umat Islam pemesongan yang terdapat pada agama selain Islam, seterusnya menjawab kembali tuduhan orang Barat yang menyatakan Islam tidak ada jaminan terhadap hak wanita. Hukum talak dalam ajaran Kristian adalah seperti berikut (Hamka, 1970: 2/229):

Markus 10-11: 'Maka kata Yesus kepada mereka itu, barangsiapa yang menceraikan bininya, lalu berbinikan orang lain, ialah perbuatan zina terhadap bininya yang terdahulu itu. Dan jikalau seorang

perempuan menceraikan lakinya, lalu berlakikan orang lain, iapun berbuat zina'. Dalam Kristian, sesudah nikah tidak boleh cerai-ceraikan lagi, tak boleh talak, buruk dan baik mesti tanggungkan, suatu ajaran yang amat ideal, tetapi payah payah menjalankannya, sebab manusia itu memang manusia.

Berpandukan nukilan di atas, Hamka telah menulis kembali hukum talak yang wujud dalam agama Kristian. Talak menurut agama Kristian adalah haram, maka tidak boleh bercerai sama sama sekali suami isteri dalam segala situasi yang berlaku. Sekiranya berlaku perceraian juga, penzinaan akan berlaku apabila pasangan yang bercerai berkahwin lain. HAMKA juga telah menandatangani kisah-kisah berlakunya perceraian dalam masyarakat Kristian dan perpecahan yang lebih besar berlaku ekoran hukum talak yang sedemikian rupa. Beliau mengemukakan contoh (Ibid: 2/229):

Hendry VIII raja Inggeris ingin mentalakkan isterinya. Karena Gereja Roma tidak mahu mengesahkannya, beliau membuat gereja sendiri, sengaja untuk mengesahkan talak kepadanya, para pendeta Inggeris akur sahaja. Lalu berpisahlah Gereja Inggeris dengan Gereja Romawi buat selama-lamanya. Hanya karena urusan raja dilarang oleh Paus mentalak isterinya.

Begitu juga dengan contoh huraian beliau di bawah (Hamka, 1970: 2/14):

Kalau mereka ingat kembali, peristiwa yang tertulis dalam kitab mereka sendiri iaitu dalam Kitab Kejadian, Pasal 21, dari ayat 13 sehingga ayat 21. Nescaya mereka tidak hairan jika nabi Muhammad S.A.W. diperintahkan untuk mengembalikan kiblat kepada asalnya, karena mereka memang sudah mengetahui bahawa di sanalah tempatnya. Di ayat 21 Kitab Kejadian, Pasal 21 disebutkan nama tempat itu, iaitu Paran. Dan pembaca kitab Taurat tahu bahawa Paran itu adalah Makkah al-Mukarramah.

Berdasarkan huraian dan contoh di atas, jelas membuktikan bahawa Hamka telah melakukan pendekatan perbandingan agama secara mendalam ketika menghuraikan ayat-ayat al-Quran. Daripada perbandingan tersebut, dapatlah diketahui secara mendalam kebenaran agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.

Metode tafsiran ayat-ayat al-Quran yang menggunakan pendekatan yang sedemikian merupakan satu keistimewaan yang terdapat pada *Tafsir al-Azhar* berbanding tafsir-tafsir yang lain. Hamka berani dan bersungguh-sungguh melakukan perbandingan tersebut adalah kerana ketika zaman kehidupannya, dakwah agama Kristian begitu berleluasa. Karel Steenbrink (1994) mendakwa kehidupan Hamka pada tahun 1966 dan seterusnya adalah berkisar tentang usaha beliau menentang golongan Kristian dalam misi Kristianisasi yang dilakukan pendakwah mereka di Indonesia. Steenbrink turut memetik kata-kata Snouck Hurgronje (1994):

When I was sent to Indonesia in 1889, in order to study the reality of Islam in that area, the Minister of Colonial affairs, Keuchenius, urgently requested me to look for a method to realize the organization of the community as a church. That statesman hoped in such a way to be free from obligation to nominate leaders of mosque and Islamic judges. The idea in effect could not be realized.

Jelaslah penjajah ketika itu bukan sahaja menimbulkan masalah terhadap negara dan penduduk setempat, malah secara teorinya mereka ingin melakukan pemisahan antara agama dan negara. Dalam masa yang sama, penjajah berusaha sebaik mungkin untuk menguasai masyarakat Islam agar berubah menjadi masyarakat Kristian. Dengan keadaan begini, Hamka mengambil inisiatif untuk memuatkan perbandingan dalam tafsirannya agar memberi amaran kepada para pembaca tentang dakwah kaum Kristian yang giat ketika itu.

KESIMPULAN

Makalah ini membuktikan bahawa Hamka adalah reformis Islam di Indonesia dan seorang mufassir yang menerapkan elemen reformis dalam tafsiran. Melalui tafsiran yang dilakukan, beliau bersungguh-sungguh memperjuangkan Islam dan menolak setiap fitnah yang ditimbulkan oleh penjajah ketika itu. Dalam perjuangan yang dilakukan beliau dalam tafsirannya, makalah ini menemui lima corak penting yang menjadi rangka huraian beliau iaitu galakan penggunaan pancaindera, kesepaduan antara dalil *naqli* dengan *aqli*, tauhid sebagai pasak kehidupan dan falsafah al-Qur'an sebagai penyelesaian, memberi jawapan terhadap isu-isu dalam masyarakat Islam, perbandingan antara kitab Taurat, Injil dengan al-Quran. Corak tafsiran yang tersusun dan teratur, memberi perhatian terhadap makna-

makna istilah, menggunakan penghujahan berdasarkan al-Quran membuatkan *Tafsir al-Azhar* diterima di Nusantara ini. *Tafsir al-Azhar* merupakan tafsir yang istimewa kerana menghubungkan antara perjuangan Islam dengan ayat-ayat al-Quran sebagai pedoman dan rujukan yang sentiasa relevan dan sesuai bagi menyelesaikan setiap permasalahan.

Selain itu, corak tafsiran Hamka yang bersifat *Adab al-Ijtima'i* (sastera kemasyarakatan) ini menjelaskan bahawa beliau berusaha memperjuangkan Islam dengan mengaitkan peristiwa yang berlaku ketika hayat beliau dengan huraian dalam karyanya. Manakala teknik tafsiran Hamka ialah *al-Tahlili* (analisis) iaitu menganalisis pelbagai aspek dalam huraian terhadap satu-satu ayat. Pendekatan yang digunakan beliau ialah secara *tafsir bi al-ra'y* iaitu dengan menggunakan ijtihad sendiri dalam kemaslahatan tanpa mengeneipkan tafsiran secara *bi al-ma'thur* (tafsiran berpandukan al-Quran, Hadis, pandangan Sahabat dan pandangan Tabi'in). Gabungan ini secara tidak langsung memberi keaslian dalam tafsiran serta meninggalkan kefahaman yang jitu kepada para pembaca tentang keutuhan konsep yang ingin disampaikan oleh al-Quran itu sendiri.

Jelaslah *Tafsir al-Azhar* mempunyai elemen-elemen reformis yang diterapkan Hamka dalam huraian ayat al-Quran, para pembaca mampu menjiwai setiap ayat al-Quran yang ditafsirkan dengan lebih mudah dan padat. Masyarakat yang sebelum ini jauh daripada pedoman al-Quran mampu merasai interaksi harmoni yang terdapat dalam setiap pendekatan beliau. Dengan itu, ia sesuai untuk dijadikan bahan rujukan atau pembelajaran masa kini agar masyarakat merasai interaksi dan fungsi setiap ayat suci al-Quran dalam setiap sudut kehidupan.

Rujukan

- Abidu, Y. H. (2007). *Tafsir al-Qur'an: Sejarah tafsir dan metode para mufassir*. Jakarta, Indonesia: Gaya Media Pratama.
- Abdullah. (2002). *Pemikiran dan perjuangan dakwah Hamka dan kesannya terhadap Islam di kawasan serantau*. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Aziz, A. R. (2002). *Pemikiran etika Hamka*. Kuala Lumpur, Malaysia: Sanon Printing Corporation Sdn. Bhd.
- Aljunied, K. (2016). Reorienting Sufism: Hamka and Islamic mysticism in the Malay world. *Indonesia*, 101, 67–84.
- Atabik L. (2004). *Penterjemahan dan pentafsiran al-Qur'an di Indonesia: Kajian terhadap perkembangan metodologi dan penyelewengan pentafsiran* (Doctoral dissertation). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Eliraz, G. (2002). The Islamic reformist movement in the Malay-Indonesian world in the first four decades of the twentieth century. *Studia Islamika*, 9(2), 47–87.
- Embong, A. H. (2014). *Metodologi tafsiran ayat-ayat hukum Hamka dalam Tafsir al-Azhar* (Unpublished master's dissertation). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Feener, R. M. (1998). Notes towards the history of Qur'anic exegesis in Southeast Asia. *Studia Islamika*, 5(3), 47–76.
- Feener, R. M. (2017). Review of *Hamka's great story: A master writer's vision of Islam for modern Indonesia*, by J. R. Rush. *The Journal of Religion*, 97(4), 583–585.
- Hamka. (1966). *Pengantar usul fiqh* (3rd ed.). Jakarta, Indonesia: Djajamurni.
- Hamka. (1967). *Ayahku*. Jakarta, Indonesia: Djajamurni.
- Hamka. (1970). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta, Indonesia: Pembimbing Masa.
- Hamka. (1974). *Kenang-kenangan hidup* (Vols. 1–4). Jakarta, Indonesia: Bulan Bintang.
- Hamka. (1983a). *Doktrin Islam yang menimbulkan kemerdekaan dan keberanian*. Jakarta, Indonesia: Yayasan Idayu.
- Hamka. (1983b). *Hamka membahas soal-soal agama*. Jakarta, Indonesia: Pustaka Panjimas.
- Hamka. (1984). *Pelajaran agama Islam*. Jakarta, Indonesia: Bulan Bintang.
- Hidayat, U. T. (2015). Tafsir al-Azhar: Menyelami kedalaman tasawuf Hamka. *Al-Turas*, 21(1), 49–76.
- Howell, J. D. (2010). Indonesia's Salafist Sufis. *Modern Asian Studies*, 44(5), 1029–1051.
- Ibn Kathir, A. al-F. I. (1970). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (Vol. 2). Beirut, Lebanon: Dar al-Fikr.

- Ibrahim, M. (2001). *Metodologi Hamka di dalam Tafsir al-Azhar*. Kuala Terengganu, Malaysia: Yayasan Islam Terengganu.
- Ibrahim, M. (2002). *Sejarah dan pandangan ulama tafsir mengenai tafsir ilmiah*. Shah Alam, Malaysia: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Ibrahim, M. (2008). *Tafsir harian al-Qur'an al-Karim: Kajian tokoh dan metodologi penulisan*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim, M., Dakir, J., & Abdul Kadir, M. N. (2009). *Pengenalan tokoh dan kitab-kitab tafsir Melayu ulama Nusantara*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khusni, A. (2006). *Konsep ijtihad Hamka: Suatu kajian terhadap masalah fiqh dalam Tafsir al-Azhar* (Master's thesis). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mat Saad, A. R. (1982). *Ilmu tafsir: Perkembangan dan tokohnya*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mat Saad, A. R. (1986). *Penulisan fiqh al-Shafi'i: Pertumbuhan dan perkembangannya*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbitan Hizbi.
- Mohammad, H. (2006). *Tokoh-tokoh Islam yang berpengaruh abad ke-20*. Jakarta, Indonesia: Gema Insani.
- Moussay, G. (1986). Une grande figure de l'Islam indonésien: Buya Hamka. *Archipel*, 32, 87–111.
- Othman, R. (2001). *Sumbangan Hamka dalam penulisan sejarah Islam di alam Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Rahman, A. S. W. (2001). *Tafsir al-Azhar: Cermin perubahan sosial Indonesia abad ke-20*. Kuala Lumpur, Malaysia: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Ramli, R. (2001). *Pentafsiran al-Qur'an dengan menggunakan akal*. Pulau Pinang, Malaysia: Universiti Sains Malaysia.
- Rush, J. R. (2016). *Hamka's great story: A master writer's vision of Islam for modern Indonesia*. Madison, WI: University of Wisconsin Press.
- Saat, N. (2017). Review of *Hamka's great story*. *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 32(3), 754–756.
- Salam, S. (1978). *Kenang-kenangan 70 tahun Buya Hamka*. Jakarta, Indonesia: Yayasan Nurul Islam.
- Steenbrink, K. (1994). Hamka (1908–1981) and the integration of the Islamic ummah of Indonesia. *Studia Islamika*, 1(3), 119–147.
- Steenbrink, K. (1995). Qur'an interpretations of Hamza Fansuri and Hamka. *Studia Islamika*, 2(2), 73–95.
- Tamari, N., Sanusi, B., & Djauhari, V. (1983). *HAMKA di mata hati umat*. Jakarta, Indonesia: Sinar Harapan.
- Yaacob, N. H., & Maslan, A. (2010). Pengaruh pemikiran HAMKA (1908–1981) terhadap perkembangan wacana sosio-keagamaan di Malaysia. In *Proceedings of the International Seminar on Religion and Development Malaysia–Indonesia 2010*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yaakob, Z. A. (2012). The philosophy of universe in Hamka's philosophy of God. *International Journal of Islamic Thought*, 1, 74–86.
- Zain, A. M., & Abu Bakar, M. (2007). Pemikiran politik Sayyid Jamal al-Din al-Afghani. *SEA Journal of General Studies*, 8, 30–50.
- Zuriati, M. R., & Engku Alwi, E. A. Z. (2010). Al-Faruqi and his views on comparative religion. *International Journal of Business and Social Science*, 1(1), 106–119.